



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/102 (7)
Tarikh : 10 Mei 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(KEWANGAN) GRED W28 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN.**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W28. Sehubungan dengan ini, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PT (Kew) Gred W26 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 **Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W26 pada 31 Disember 2015 dan sebelum (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred W26 berubah ke tarikh 1 Januari 2016 dan seterusnya);**
- 2.2 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.3 **Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, **kekosongan jawatan PT (Kew) Gred W28** adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi
1.	Ibu Pejabat, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman
2.	Muzium Jabatan Penjara, Melaka

4. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan.

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari kementerian/jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 14 Jun 2019** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri**)

6. Dimaklumkan bahawa menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), kementerian/jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Encik Mohd Fauzi bin Hashim - 03-8885 4782
fauzi.hashim@jpa.gov.my
- ii. Puan Norsiti Farrah binti Roslan - 03-8885 4147
farrah.roslan@jpa.gov.my

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Timbalan Pengarah

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my